



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 27 TAHUN 2005

**PINDAAN SKIM PERKHIDMATAN
JURURAWAT, JURU X-RAY DAN
PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN/
PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan keputusan kerajaan untuk menambah dua (2) lapisan gred kepada lapisan gred yang sedia ada bagi skim perkhidmatan bersepadu Jururawat, Juru X-Ray dan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/ Pegawai Kesihatan Persekitaran.

LATAR BELAKANG

2. Pada masa ini skim perkhidmatan bersepadu Jururawat, Juru X-Ray dan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/ Pegawai Kesihatan Persekitaran yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2005 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9, 10 dan 11 Tahun 2005 mengandungi enam (6) lapisan gred iaitu Gred U29, U32, U36, U41/U42, U44, U48.

3. Selaras dengan kepentingan perkhidmatan perubatan dan kesihatan serta keperluannya pada masa hadapan, kerajaan bersetuju untuk menambah dua (2) lapisan gred bagi skim perkhidmatan bersepadu Jururawat, Juru X-Ray dan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/ Pegawai Kesihatan Persekitaran yang sedia ada.

PINDAAN

4. Skim perkhidmatan bersepadu Jururawat, Juru X-Ray dan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/ Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29, U32, U36, U41/U42, U44, U48 dipinda dengan menambah dua (2) lapisan gred iaitu **Gred U52** dan **U54**. Dengan itu, ketiga-tiga skim perkhidmatan ini mempunyai Gred U29, U32, U36, U41/U42, U44, U48, U52, U54.

5. Skim perkhidmatan Jururawat, Juru X-Ray dan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/ Pegawai Kesihatan Persekitaran yang baru adalah seperti di [Lampiran A](#), [B](#) dan [C](#). Contoh format iklan bagi urusan pengambilan adalah seperti di [Lampiran A1](#), [B1](#) dan [C1](#). Penghuraian skop tugas bagi skim perkhidmatan bersepadu Jururawat Gred U52, U54 adalah seperti di [Lampiran A2](#) dan [A3](#); Juru X-Ray Gred U52, U54 adalah seperti di [Lampiran B2](#) dan [B3](#) serta Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U52, U54 adalah seperti di [Lampiran C2](#) dan [C3](#).

6. Pekeliling Perkhidmatan ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2005 bagi skim perkhidmatan Jururawat, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2005 bagi skim perkhidmatan Juru X-Ray dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2005 bagi skim perkhidmatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran.

TARIKH KUAT KUASA

7. Tarikh kuat kuasa pindaan skim perkhidmatan bersepadu Jururawat, Juru X-Ray dan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/ Pegawai Kesihatan Persekitaran dengan penambahan dua (2) lapisan gred iaitu Gred U52 dan U54 ialah mulai **1 Januari 2006**.

PEMAKAIAN

8. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' SRI ISMAIL ADAM)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

14 Disember 2005

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan